

UniMAP Sampaikan Sumbangan Beg Sekolah



Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menyampaikan 50 buah beg sekolah untuk pelajar-pelajar kurang berkemampuan dari Sekolah Kebangsaan Tuan Syed Jan-Al-Jaffri (SKTSJAJ) bersempena Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah tersebut. Menurut Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof Dr. Kamarudin Hussin, penyerahan sumbangan tersebut yang merangkumi wang tunai bernilai RM4,000 merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial universiti (CSR) dalam membantu golongan yang memerlukan.

Meskipun sekolah tersebut terletak dalam daerah Sungai Petani dan dikategorikan sebagai pinggiran bandar, namun sebahagian besar pelajar merupakan anak-anak dari keluarga yang kurang berkemampuan. Semoga dengan sedikit bantuan yang diberikan UniMAP ini akan meringankan bantuan pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan ini.